

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**  
**SOALAN 13 (A9)**

Apakah usaha kerajaan negeri Johor dalam meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk khususnya di luar bandar?

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

Kerajaan negeri sentiasa mengambil berat kepada pembangunan luar bandar. Selain daripada penekanan terhadap pembangunan infrastruktur, kerajaan negeri amat menekankan soal pembangunan dalam konteks sosioekonomi penduduk. Justeru, kerjasama antara kerajaan negeri dengan pelbagai jabatan dan agensi persekutuan di Johor yang berperanan dalam pembangunan luar bandar sentiasa dipertingkatkan dengan perancangan dan pelaksanaan pelbagai program atau projek.

Di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), terdapat beberapa program yang bertujuan bagi meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk luar bandar. Antaranya ialah:

**SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR)** yang merangkumi:

- I. Bantuan PPRT (bina baru/ baik pulih) bagi yang layak
- II. Program Latihan Kemahiran Dan Kerjaya bagi melatih ahli isi rumah (AIR) meningkatkan kemahiran melalui kursus jangka pendek dengan jaminan peluang pekerjaan
- III. Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bagi penyaluran bantuan kepada ketua isi rumah (KIR)/AIR yang berdaya saing. keutaamaan diberikan kepada kir/air yang telah mempunyai perniagaan yang sedang diusahakan.

**SKIM PEMBANGUNAN KEUSHAWANAN LUAR BANDAR**

- I. Pemberian geran one-off rm 10,000.00 kepada usahawan luar bandar yang layak.

Selain itu, terdapat beberapa agensi di bawah KPLB seperti MARA, GIATMARA, KEMAS, KEJORA, FELCRA, RISDA dan JAKOA yang mempunyai program tersendiri bagi membantu sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Selain itu juga, pihak FELDA juga telah merancang untuk memperkasakan lagi Program Pembangunan Peneroka (PPP) bagi tahun 2021 yang memberi nilai tambah kepada warga FELDA dalam bidang pertanian dan ternakan. Ini seterusnya akan mengurangkan kebergantungan warga peneroka terhadap hasil pendapatan tanaman komoditi iaitu sawit dan getah dengan mempelbagaikan sumber pendapatan sampingan.

Pihak IRDA juga mengambil peranan dalam pembangunan sosioekonomi penduduk di kawasan kampung tradisi Wilayah Iskandar Malaysia melalui Program

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

Penambahbaikan Dan Pemerksaan Kampung Tradisi yang bertujuan untuk memberi pendapatan alternatif isi rumah melalui projek sosioekonomi yang dijalankan, terutamanya melalui kerjasama koperasi kampung.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 14 (A59)**

Minta dinyatakan komitmen dan perancangan kerajaan negeri dalam menyediakan mekanisme bagi membantu rakyat Johor memiliki rumah pasca Covid-19?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Semasa pasca Covid-19, antara solusi yang terbaik pada ketika ini untuk membantu rakyat untuk memiliki kediaman sendiri adalah melalui **Skim Sewa Beli**. Kerajaan akan melaksanakan dua kaedah skim sewa beli yang difokuskan kepada golongan berpendapatan B40 serta M40.

Skim sewa beli bagi golongan B40 adalah melalui inisiatif **Skim Perumahan Prihatin Johor**. Kerajaan memperuntukkan RM10 juta bagi membeli mana-mana projek perumahan yang berada dalam lingkungan harga RM42,000.00 seunit sehingga RM80,000.00 seunit untuk ditawarkan secara sewa beli kepada golongan sasar. Tempoh transaksi sewaan adalah dalam lingkungan 25 tahun. Sekiranya tiada tunggakan sewaan, hartanah tersebut akan dipindah milik kepada penyewa. Sehingga hari ini jumlah unit rumah skim sewa beli adalah sebanyak **470 unit**.

Selain itu, skim sewa beli ini juga akan diperluaskan kepada golongan M40. Perkara ini masih di dalam peringkat kajian pelaksanaan bersama pihak institusi kewangan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)**  
**SOALAN 15 (A49)**

Nyatakan jumlah individu yang mengalami depresi, hipertensi dan masalah serangan jantung bagi golongan yang berumur 25 hingga 50 tahun dari Mac 2020 hingga Oktober 2020 dan apakah punca utama permasalahan ini?

**JAWAPAN YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN**

Sepanjang tempoh bulan Mac hingga Oktober 2020 ini, sejumlah 7,303 kes hipertensi baru telah dikesan melalui saringan yang telah dijalankan di semua Klinik Kesihatan kerajaan di Negeri Johor.

Jumlah kemasukan ke wad di hospital-hospital KKM Negeri Johor bagi penyakit depresi, hipertensi dan serangan jantung dari Mac hingga Oktober 2020 bagi individu berumur 20 – 59 tahun adalah sebanyak 439 kes bagi depresi, 1,080 bagi hipertensi dan 3,184 bagi serangan jantung.

Faktor risiko hipertensi boleh dibahagi kepada dua (2) iaitu:

**1. Faktor tidak boleh ubah (Non-modifiable risk factors)**

- a. Sejarah keluarga / genetik;
- b. Umur (semakin meningkat usia semakin tinggi risiko); dan
- c. Mempunyai penyakit lain seperti Diabetes dan Hypercholesterolaemia

**2. Faktor boleh ubah (Modifiable risk factors)**

- a. Pemakanan tidak sihat (kandungan garam berlebihan, makanan tinggi lemak, kurang pengambilan sayur & buah-buahan iaitu sekurang-kurangnya 5 hidangan sehari);
- b. Tidak aktif secara fizikal;
- c. Penggunaan rokok & vape (nikotin dependent);
- d. Penggunaan alcohol berlebihan; dan
- e. Jisim Indeks Tubuh (Body Mass Index) antara 25 - 29.9 (berlebihan berat badan) atau  $\geq 30$  (obes).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)**  
**SOALAN 16 (A127)**

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) antara penyumbang utama KDNK negara. Di Johor terdapat 100,000 PKS yang menyediakan peluang pekerjaan kepada anak Johor. Sepanjang pandemik Covid-19, apakah bantuan yang telah diberikan kepada PKS supaya masih terus boleh beroperasi dan tidak ditutup?

**YB TUAN DR. SULAIMAN BIN MOHD NOR (KEMELAH)**  
**SOALAN 17 (A143)**

Sila berikan statistik mengikut daerah, perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terjejas akibat pandemik Covid-19 serta usaha kerajaan negeri membantu golongan tersebut.

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**  
**SOALAN 18 (A58)**

Mohon dinyatakan inisiatif daripada kerajaan negeri dalam membantu usahawan dan koperasi yang terjejas akibat wabak pandemik Covid-19?

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**  
**(Jawapan bersekali untuk soalan A58, A127 & A143)**

Izinkan saya menjawab persoalan Yang Berhormat Parit Raja, Yang Berhormat Kota Iskandar dan Yang Berhormat Kemelah secara bersekali kerana ianya berkaitan dan berkisar mengenai sektor keusahawan dan koperasi di negeri ini. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, perincian statistik mengikut daerah, perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terjejas akibat pandemik Covid-19 sepertimana yang YB Kemelah utarakan tidak dapat diperincikan kerana statistik yang diperolehi tidak menumpu ke arah itu, malah jumlah usahawan yang terjejas dinyatakan secara umum berdasarkan statistik yang diperolehi dari hasil kajian SME Corp. Hasil kajian tersebut melaporkan kira-kira 170,000 usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), mikro dan koperasi seluruh negara telah terjejas ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kerana wabak koronavirus (COVID-19). Jumlah itu meliputi 20 peratus daripada kira-kira 850,000 PKS di seluruh negara menurut hasil kajian oleh SME Corp.

Manakala mengikut laporan yang diperolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), terdapat sejumlah 9,675 syarikat dan perniagaan yang telah menutup operasi mereka sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu bermula 18 Mac sehingga 9 Jun 2020. Manakala, sebanyak 22,794 syarikat dan perniagaan telah menutup operasi mereka sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) iaitu bermula dari tarikh 10 Jun 2020 sehingga bulan September 2020 dan jumlah pemberhentian atau penamatan operasi syarikat yang

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

tertinggi telah dicatatkan adalah pada bulan Ogos 2020 iaitu sebanyak 17,800 syarikat dan perniagaan.

Kerajaan negeri Johor sudah semestinya peka, prihatin dan sentiasa mengambil tindakan proaktif dalam membantu usahawan-usahawan di negeri ini yang terjejas. Pelbagai inisiatif mahupun insentif giat dilaksana dan telah diberikan. Antara inisiatif awal kerajaan negeri bagi golongan ini adalah pelancaran Pakej Ransangan Ekonomi Inisiatif Ihsan Johor Fasa 1 & 2 yang telah diumumkan YAB Menteri Besar Johor yang mana dalam pakej inisiatif tersebut kerajaan negeri telah memberi pengecualian bayaran lesen perniagaan selama setahun bermula Januari hingga Disember 2020 kepada PKS kategori mikro yang berdaftar dan memiliki lesen perniagaan dengan PBT iaitu sebanyak 11,737 usahawan mikro di seluruh negeri Johor. Bagi yang telah membuat pembayaran lesen perniagaan untuk tahun 2020, ia akan diselaraskan dengan bayaran lesen perniagaan bagi tahun 2021 yang melibatkan anggaran kos sebanyak RM2.3 juta. Selain itu, pengecualian tapak perniagaan Pasar Tani, Pasar Malam & Pasar Pagi di kawasan PBT seluruh negeri Johor mulai April sehingga Oktober 2020. Pengecualian sewa premis milik individu di bawah pengurusan PBT dan juga Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) Sdn Bhd turut telah diberikan dari tempoh bermula bulan April hingga Disember 2020 begitu juga bagi sewaan tapak berniaga di premis milik kerajaan negeri Johor yang telah diberi tempoh pengecualian sewa selama setahun bermula Januari hingga Disember 2020.

Selain dari inisiatif dan insentif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri secara langsung, Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) Sdn. Bhd. sebagai agensi pelaksana usaha-usaha pembangunan usahawan di negeri ini turut giat melaksanakan pelbagai inisiatif serta insentif bagi tujuan yang sama iaitu membantu, membimbing dan seterusnya memperkasa para usahawan di negeri ini setelah hampir karam dilanda badai Pandemik COVID19. Antara inisiatif dan insentif yang telah dilaksanakan oleh PUJB Sdn. Bhd. bagi membantu usahawan-usahawan di negeri ini adalah :

1. **Insentif Tunai secara 'one-off' bernilai RM300**  
Inisiatif pemberian insentif Tunai secara 'one-off' bernilai RM300 kepada penjaja dan peniaga kecil telah pun dilaksanakan pada bulan Mei 2020.
2. **E-Bazar Makmur Johor**  
Program E-Bazar Ramadhan melalui laman web dan juga aplikasi yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan tempohari.
3. **Johor E-Marketplace @Shopee**  
Program usahasama strategik PUJB Sdn. Bhd. bersama Shopee. Ia adalah platform bagi membantu golongan usahawan memasarkan produk mereka dengan lebih meluas selain dapat memangkin usaha tranformasi digital sektor keusahawanan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

4. **PUJB@Biz Talk**  
Menerusi PUJB, pelbagai kursus atau webinar telah pun dan masih giat dianjurkan dengan pelaksanaan inisiatif PUJB@Biz Talk. Program yang dilaksanakan secara maya ini bertujuan memudahkan usahawan PKS mencapai maklumat yang berkaitan.
5. **Program 3P ( Pemulihan, Pemerkasaan dan Peningkatan ) - Bantuan Foodtruck**  
Bantuan dalam bentuk bimbingan,latihan serta geran tunai secara one-off sebanyak RM3,000.00 telah diberikan kepada usahawan yang sedang menjalankan perniagaan dan bersedia untuk memulakan perniagaan bergerak atau lebih dikenali sebagai 'Foodtruck'.
6. **Program Geran Orang Lokal ( GOL )**  
Inisiatif Geran Orang Lokal 2.0 atau GOL 2.0 adalah program bantuan berbentuk pemberian mesin dan peralatan yang bernilai sehingga RM10,000 mengikut kluster perniagaan tertentu.
7. **Inisiatif Misi Jejak PKS**  
Program Misi Jejak PKS merupakan sebuah program berbentuk kunjungan ke premis perniagaan, memberi khidmat nasihat dan menyalurkan bantuan kepada PKS di seluruh Negeri Johor. Selain itu, turut disampaikan dalam misi tersebut adalah bantuan dalam bentuk peralatan/pemasaran dengan nilai maksimum sehingga RM3500 bagi setiap usahawan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB DATUK MD OTHMAN BIN YUSOF (KUKUP)  
SOALAN 19 (A109)**

Bagaimanakah pengguna beragama Islam di negeri Johor khususnya boleh memastikan semua daging ayam, kambing dan lembu yang dijual di pasaran adalah benar-benar halal?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah menetapkan cara memohon persijilan halal bagi premis-premis sembelihan, samada sembelihan unggas dan ruminan, keseluruhannya tertakluk dengan proses yang di yakini patuh prosedur dan patuh syariah. Maklumat terkini jumlah rumah sembelihan yang telah mendapat persijilan halal terdapat 14 perimis diantaranya ialah:

Rumah sembelihan Ayam 9 buah  
Rumah sembelihan Puyuh 3 buah  
Rumah sembelihan Kambing 1 buah

Bagi mengelakkan kekeliruan, pihak JAINJ telah menetapkan kepada syarikat agar pembungkusan dan tagging di bahagian kepek yang tertera logo halal beserta nama syarikat yang telah disahkan dan mendapat persijilan halal Malaysia dipamerkan dengan jelas.

Sila layari sistem Halal Malaysia Portal [www.hahal.gov.my](http://www.hahal.gov.my) untuk keterangan lebih lanjut.

**DATA/ JUMLAH RUMAH SEMBELIHAN YANG MEMPUNYAI SPHM TAHUN 2020**

NO	DAERAH	NAMA SYARIKAT	ALAMAT SYARIKAT	JENIS SEMBELIHAN	KATEGORI SYARIKAT
1	PONTIAN	AYAM SHF SDN BHD	2, PTD 8757, JALAN PERINDUSTRIAN 1, KAWASAN PERINDUTRIAN PONTIAN, PONTIAN 82000, PONTIAN	AYAM	BUKAN BUMIPUTERA
2	PONTIAN	NUR FNZ ENTERPRISE	LOT 5979, PARIT SANIMAN, AYER BALOI, 82100, PONTIAN, JOHOR	PUYUH	BUMIPUTERA
3	PONTIAN	AZMI FRESH CHICKEN SDN BHD	NO 97&98, JALAN ALAM JAYA, 81500 PEKAN NENAS, PONTIAN, JOHOR	AYAM	BUMIPUTERA
4	PONTIAN	WILAYAH FOOD TRANDING SDN BHD	NO 3, JALAN USAHA2, LORONG USAHA UTAMA, TAMAN PERINDUSTRIAN ULU CHO, PEKAN NANAS, 81500 PONTIAN, JOHOR	AYAM	BUMIPUTERA



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

5	<b>PONTIAN</b>	LUCKY POULTRY (M) SDN BHD	NO 19, JALAN INDUSTRIAN 8, TAMAN PERINDUSTRIAN PEKAN NENAS, 81500 PONTIAN, JOHOR	<b>AYAM</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
6	<b>PONTIAN</b>	NB POULTRY PROCESSING INDUSTRIES SDN BHD	PTD 7904, KG PARIT BARU SELANGOR, BATUN31, 82000 PONTIAN, JOHOR	<b>AYAM</b>	<b>BUMIPUTERA</b>
7	<b>KULAI</b>	AYAMAS FOOD CORPORATION SDN BHD	KAWASAN PERINDUSTRIAN FASA 1, BANDAR TENGGARA, 81000 KULAI, JOHOR	<b>AYAM</b>	<b>BUMIPUTERA</b>
8	<b>SEGAMAT</b>	AZA IM ENTERPRISE SDN.BHD	10, JALAN PERDANA 5, TAMAN PERDANA, TAMAN BUKIT BARU, 85020 BUKIT SIPUT, SEGAMAT, JOHOR	<b>PUYUH</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
9	<b>KLUANG</b>	PPNJ POULTRY & MEAT SDN.BHD	PUSAT PERINDUSTRIAN PELADANG, BATU 53 1/4, JALAN JOHOR BAHRU-AYER HITAM, AYER HITAM, 86100 KLUANG	<b>AYAM</b>	<b>BUMIPUTERA</b>

**DATA / JUMLAH RUMAH SEMBELIHAN YANG MEMPUNYAI SPHM**

<b>NO</b>	<b>DAERAH</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>ALAMAT SYARIKAT</b>	<b>JENIS SEMBELIHAN</b>	<b>KATEGORI SYARIKAT</b>
10	<b>KLUANG</b>	UK FARM SDN BHD (FORMERLY KNOWN: SUPERFICENT MARKETING SDN BHD)	PLOT 8, PROJEK PERTANIAN MODEN KLUANG, KM13, JALAN BATU PAHAT, 86000 KLUANG, JOHOR	<b>KAMBING</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
11	<b>BATU PAHAT</b>	PTS POULTRY PROCESSING (BP) SDN. BHD	NO LOT. 1310, BATU 4 ½, JALAN MINYAK BEKU, 83030 MINYAK BEKU, 83030 BATU PAHAT, JOHOR.	<b>AYAM</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
12	<b>MUAR</b>	SBL QUAIL FARM SDN BHD	E 301 BATU 3 1/4, JALAN BAKRI, 84000 MUAR, JOHOR.	<b>PUYUH</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
13	<b>MUAR</b>	LEONG HUP AGROBUSINESS SDN BHD	LOT 4209, JALAN BAKARIAH, BUKIT TREH 84000, MUAR JOHOR	<b>AYAM</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>13</b>
<b>SYARIKAT BUMIPUTERA</b>					<b>6</b>
<b>SYARIKAT BUKAN BUMIPUTERA</b>					<b>7</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)**  
**SOALAN 20 (A40)**

Setakat ini berapa buah yayasan dibawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Johor yang pendaftarannya telah dimuktamadkan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Sehingga kini enam (6) yayasan telah dimuktamadkan pendaftaran di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri. Enam yayasan tersebut adalah :

- Yayasan Bandaraya Bahru (MJB)
- Yayasan Penyayang Iskandar Puteri (MBIP)
- Yayasan Pasir Gudang (MPPG)
- Yayasan Sejahtera MPKu (MPKu)
- Yayasan Kluang (MPK)
- Yayasan Harapan Pontian (MDP)

Baki sepuluh (10) yayasan telah selesai memuktamadkan Surat Ikatan Amanah dan dalam tindakan pihak peguam yang telah dilantik oleh pihak kerajaan bagi tujuan pendaftaran di pihak BHEUU. Pendaftaran ini di jangka akan selesai pada Disember 2020. Untuk makluman 10 yayasan tersebut adalah sebagaimana berikut:

- Yayasan Makmur Batu Pahat ( MPBP)
- Yayasan Makmur Muar (MPM)
- Yayasan Makmur Segamat (MPS)
- Yayasan Makmur Pengerang (MPP)
- Yayasan Makmur Kota Tinggi ( MDKT)
- Yayasan Makmur Tangkak (MDT)
- Yayasan Makmur Mersing (MDM)
- Yayasan Makmur Simpang Renggam (MDSR)
- Yayasan Makmur Yong Peng ( MDYP )
- Yayasan Makmur Labis (MDL)

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 21 (A175)**

Setakat tahun 2018, kelihatan kebanyakan graduan lepasan Diploma di Pendidikan MARSAH menanggung pengangguran serta mencari-cari peluang pekerjaan. Bilakah lantikan daripada lepasan Diploma Pendidikan Marsah untuk jawatan guru agama DGA29 dapat dilaksanakan, justeru membantu graduan-graduan tersebut?

**JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD**

Ingin saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor sentiasa komited dan telus dalam mengenal pasti serta memilih calon-calon yang berkualiti dan berintegriti untuk ditawarkan berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan (40) Tahun 2013 telah menggabungkan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) dari Gred DGA29 kepada Gred DG29.

Pada 8 Januari hingga 22 Januari 2020 yang lalu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah membuka iklan kekosongan jawatan bagi 5 skim perkhidmatan dan ianya termasuk jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29. Susulan hebahan tersebut, sebanyak 4251 permohonan telah pun diterima. Daripada jumlah itu, seramai 486 lulusan Kolej MARSAH telah memohon jawatan tersebut.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor juga telah menjalankan Ujian Penilaian Khas pada 19 September 2020 yang lalu dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Bahagian Pendidikan. Calon-calon yang melepasi ujian Penilaian Khas akan dipanggil menjalani proses temu duga akhir dan seterusnya urusan pelantikan yang dijangka akan diadakan pada Februari tahun 2021.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 22 (A209)**

Apakah langkah kerajaan Johor untuk memastikan pelajar luar bandar yang tiada kemudahan internet untuk meneruskan pembelajaran waktu PKPB dan sekolah dicitikan lebih awal?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

Setelah kerajaan mengumumkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuatkuasa, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengeluarkan surat kepada Pengetua/Guru Besar merujuk surat JPNJ.TMK.600-2/1/25 (96): PELAKSANAAN PdPR SEPANJANG PENUTUPAN SEKOLAH SEMASA PKPB bertarikh 9 November 2020 bagi memastikan guru melaksanakan PdPR secara dalam talian atau medium lain yang bersesuaian.

Bagi tujuan membantu dan memudahkan proses pembelajaran golongan yang kurang berkemampuan dan di luar bandar serta mempunyai kekangan talian Internet atau gajet bagi meneruskan proses pembelajaran, KPM telah mewujudkan kembali TV Pendidikan yang disiarkan setiap hari di saluran TV Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui TV1, TV2 dan TV Okey. Siaran TV Pendidikan merangkumi pelbagai subjek sekolah rendah dan menengah bagi menampung defisit talian dan gajet.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah bertindak proaktif dengan menggalakkan pihak sekolah menyediakan bahan pembelajaran dalam bentuk cetakan untuk edaran murid-murid. Bahan tersebut diletakkan di pondok kawalan keselamatan untuk diambil oleh ibu bapa, diedarkan sendiri oleh guru-guru atau melalui ketua komuniti setempat. Tugasan yang telah lengkap akan diletakkan semula di pondok kawalan keselamatan atau tempat yang ditetapkan pihak sekolah untuk tindakan lanjut oleh guru-guru.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**  
**SOALAN 23 (A151)**

Sistem perparitan, semak-semak, longkang-longkang di kawasan perumahan Kawasan DUN Tiram nampaknya tidak diberi perhatian. Ingin tindakan terperinci MBBJ dan MPPG.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Kerajaan negeri mengambil maklum bekeaan perkara tersebut. Pihak PBT mengambil berat tentang permasalahan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan yang terlibat dengan penyerahan Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) oleh pemaju. Hampir keseluruhan kawasan perumahan dan komersial di sekitar kawasan Ulu Tiram dan yang berhampiran dengannya telah dibuat serahan kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan (PSPPA) kepada pihak SWCorp. Ini bermakna kawasan tersebut samada telah dijadualkan atau dalam perancangan oleh pihak SWCorp untuk menugaskan syarikat konsesi membuat kerja-kerja PSPPA mengikut jadual sama ada dari segi pengurusan sumber manusia dan logistik.

Namun begitu terdapat beberapa kawasan yang dikategorikan sebagai "grey area" yang tidak dapat diberikan perkhidmatan PSPPA iaitu di kawasan yang tidak dikenakan cukai harta oleh PBT seperti kawasan perkampungan dan setinggan. Pihak MBBJ sedang membuat banciaan status terkini kawasan yang belum bercukai untuk mencari penyelesaian kepada isu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Sebagai maklumat tambahan, MBBJ sedang melaksanakan kajian untuk mewujudkan Rancangan Kemajuan Khas (RKK) Bandar Ulu Tiram 2025. Di dalam RKK tersebut turut telah mengenalpasti beberapa lokasi tempat pembuangan sampah haram dan cadangan untuk membuat pembinaan rumah sampah untuk mengatasi masalah tersebut. Walau bagaimanapun, kajian pewujudan RKK ini banyak difokuskan di kawasan Bandar Ulu Tiram dan masih belum tamat lagi serta belum diwartakan. Dengan pewujudan RKK ini dapat menjadikan Bandar Ulu Tiram yang lebih selamat, selesa, lestari, dan berdaya huni untuk kemudahan penduduk setempat dan pemegang taruh di kawasan MBBJ.

Sehubungan itu juga, MPPG telah membekalkan perkhidmatan tong roro di tiga lokasi yang berlainan bagi memastikan kawasan tersebut bersih. Manakala servis pemotongan rumput dan pembersihan parit di jalan utama adalah di bawah penyelenggaraan JKR. MPPG juga sentiasa menjalankan penyelenggaraan berkala dan projek menaiktaraf sistem perparitan di kawasan DUN Tiram bagi memastikan sistem perparitan berada dalam keadaan baik. Sepanjang tahun 2020, MPPG telah memperuntukkan sejumlah **RM 3,699,800.00** melalui 16 projek bagi membaiki, menyelenggara dan menaiktaraf sistem perparitan di DUN Tiram dan Parlimen Tebrau. Senarai projek penyelenggaraan adalah seperti berikut:

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

<b>Bil</b>	<b>Keterangan Projek</b>	<b>Jumlah Kos (RM)</b>
1	Kerja-Kerja Menyelenggara Longkang Dan Menurap Jalan Di Jalan Tembikai 37 Hingga Tembikai 42, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	1,287,050.00
2	Kerja-Kerja Menyelenggara Longkang Dan Menurap Jalan Di Jalan Ciku Utama Hingga Jalan Ciku 7, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	860,400.00
3	Kerja-Kerja Menyelenggara Parit Di Jalan Duku 16, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	860,350.00
4	Kerja-Kerja Menyelenggara Longkang Di Jalan Seluang 4, Taman Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang	92,000.00
5	Kerja-Kerja Menyelenggara 'Scupper drain' dan Perabot Jalan Di Kawasan Jalan Siakap, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang	50,000.00
6	Kerja-Kerja Menyelenggara 'Scupper drain' dan Perabot Jalan Di Kawasan Jalan Lampam, Taman Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang	50,000.00
7	Kerja-Kerja Menyelenggara Longkang Dan Tembok Di Jalan Duku 30, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
8	Kerja-Kerja Menyelenggara Longkang Dan Tembok Di Jalan Ciku Utama, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
9	Kerja-Kerja Menyelenggara Longkang Dan Scupper Drain Di Jalan Nenas Utama, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
10	Kerja-Kerja Menyelenggara 'Scupper drain' dan Perabot Jalan Di Jalan Kota Masai 2, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
11	Kerja-Kerja Menyelenggara 'Scupper drain' dan Perabot Jalan Di Jalan Betik 4, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
12	Kerja-Kerja Menyelenggara 'Scupper drain' dan Perabot Jalan Di Jalan Mangga 2, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
13	Kerja-Kerja Menyelenggara 'Scupper drain' dan Perabot Jalan Di Jalan Kelisa, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang	50,000.00
14	Kerja-Kerja Pembersihan 'Gulley Drain Pipe' dan Bahu Jalan Di Kawasan Jalan Lampam, Taman Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang	50,000.00
15	Kerja-Kerja Pembersihan Bahu Jalan Di Kawasan Jalan Ixora, Bandar Bestari Perdana, Pasir Gudang	50,000.00
16	Kerja-Kerja Pembersihan Bahu Jalan Di Kawasan Jalan Mangga, Taman Kota Masai, Pasir Gudang	50,000.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>3,699,800.00</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 24 (A152)**

Dewan-dewan tertinggal/terbiar tidak menyelenggara, boleh serah kepada pihak yang berminat untuk aktiviti-aktiviti. Seperti Dewan futsal di Desa Jaya DUN Tiram dan Dewan di Pasir Putih.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bekerjasama dengan Jawatankuasa Penduduk untuk bersama-sama membantu menjaga dewan terbuka dan gelanggang futsal.

Sebanyak lima puluh sembilan (59) gelanggang futsal, tujuh (7) antaranya telah diserahkan (sebagaimana lampiran I) dan bakinya dalam proses untuk dibuat penyerahan. Manakala bagi dewan terbuka terdapat empat (4) buah dewan terbuka, satu (1) secara rasmi telah diserahkan iaitu Dewan Terbuka Damansara Aliff dan tiga (3) sedang dalam proses serahan.

Senarai gelanggang futsal dan dewan terbuka adalah seperti berikut :

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**SENARAI GELANGGANG FUTSAL YANG TELAH DISERAHKAN KEPADA JAWATANKUASA PENDUDUK DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

ZON	LOKASI	JAWATANKUASA PENDUDUK
Taman Rinting/Plentong	Jalan Seroja, Taman Plentong Baru	Haji Ibrahim bin Ismail Pengerusi, KRT Taman Plentong Baru, No. 7, Jalan Cempaka 6, Taman Plentong Baru, 81750 Masai Johor. 013-727 1613 / 011-5791 0553
Dato' Onn	Taman Setia Tropika	Haji Wan Azmi bin Wan Ahmad Persatuan Penduduk Caryota Square Taman Setia Tropika. 019-779 0683
Tampoi	Jalan Sri Perkasa 2/3, Taman Tampoi Utama	Mohamad Shafiq bin Mohd Azlan Setiausaha, Persatuan Kejiranan Taman Tampoi Utama 2, No. 31, Jalan Sri Perkasa 2/4, Taman Tampoi Utama, 81200 Johor Bahru Johor. 019-724 1466
Pelangi Indah	Jalan Keris 15, Taman Puteri Wangsa	Mohd Fazlee bin Haji Johan Pengerusi, Persatuan Prima Niaga johor Bahru, No. 3, Jalan Pesona 13, Taman Pelangi Indah, 81800 Ulu Tiram Johor.
	Jalan Lading 32, Taman Puteri Wangsa	- <i>Person In Charge</i> terkini belum memberikan maklumat
Desa Cemerlang	Rumah Pangsa Akasia, Taman Desa Cemerlang	Penawar Pengurus, Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa Akasia, Persiaran Cemerlang, Taman Desa Cemerlang, 81800 Ulu Tiram Johor. 017-720 0671
Mount Austin	Jalan Mutiara Emas 4, Taman Austin Height	Murugan Persatuan Penduduk Mount Austin 012-761 4861

Manakala Dewan terbuka Taman Pasir Putih akan diserahkan kepada wakil penduduk yang dipilih oleh Ahli Majlis Zon sebagai pemegang amanah untuk penyeliaan setelah penyediaan utiliti dan kemudahan lengkap disediakan.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN HAJI ROSLELI BIN JAHARI (JOHOR LAMA)  
SOALAN 25 (A103)**

Mohon dibina penebat banjir dan pam air untuk mengatasi masalah banjir dan banjir kilat yang sering berlaku di Taman Aman dan Taman Mawai, Kota Tinggi.

**JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI**

Jabatan Pengairan dan Saliran telah memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan bagi menangani banjir di kawasan Taman Aman dan Taman Mawai. Projek ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia ke-11 dengan nama Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pemandi. Pada masa kini ianya dalam proses rekabentuk terperinci peringkat akhir.

Sebelum pelaksanaan projek, satu makmal Penilaian Pengurusan Nilai (VA) bersama *stakeholders* yang terlibat untuk memuktamadkan anggaran kos projek merangkumi kos pembinaan, pengambilalihan tanah, pengalihan utiliti dan sebagainya perlu diadakan. Walaubagaimanapun makmal tersebut telah tertangguh berikutan penularan wabak Covid-19 dan akan dilaksana apabila keadaan mengizinkan.

Selain dari kerja-kerja permulaan, skop utama projek ialah peningkatan kapasiti Sungai Pemandi, pengukuhan tebing sungai, pembinaan jambatan dan pembinaan rumah pam dan pemasangan pam.

Projek ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 kelak. Dengan terlaksananya projek ini, banjir di kawasan Taman Aman dan Taman Mawai akan dapat dikurangkan kesannya.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)  
SOALAN 26 (A73)**

Sepanjang mengharungi cabaran pandemik Covid-19, adakah terdapat peningkatan permohonan bantuan JKM di DUN Pasir Raja?

**JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL**

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor telah menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada keluarga yang terjejas akibat pandemik Covid-19 di seluruh negeri Johor termasuklah permohonan bantuan JKM di DUN Pasir Raja. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan hingga kini, peningkatan permohonan bantuan JKM telah berlaku di hampir semua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) termasuklah di DUN Pasir Raja.

Sepanjang mengharungi cabaran pandemik Covid-19, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Tinggi telah menerima sebanyak 225 permohonan bantuan JKM dari DUN Pasir Raja. Daripada jumlah ini dapat dilihat bahawa mulai April 2020 sehingga Oktober 2020 telah berlaku peningkatan permohonan bantuan JKM di DUN Pasir Raja iaitu sebanyak 112 kes. Peratus peningkatan permohonan bantuan JKM di DUN Pasir Raja telah meningkat sebanyak 49.7% daripada bilangan permohonan yang diterima sebelum PKP dilaksanakan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 27 (A159)**

Dalam jumlah kos sebanyak RM177juta bagi menaiktaraf Jalan Muar - Yong Peng daripada 2 lorong kepada 4 lorong melalui RMK-12, adakah kaedah pembinaan jalan raya ini menggunakan alternatif baharu memandangkan jalan raya ini akan terbina di atas tanah gambut?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Cadangan projek RMK12, Projek Menaiktaraf Jalan Muar - Yong Peng daripada 2 lorong kepada 4 lorong yang dimaksudkan dengan kos RM177juta berada di lokasi bermula dari Pekan Bakri hingga ke Bulatan Bakri, Muar sepanjang 10km. Sekiranya diluluskan, penyiasatan tanah akan dilaksanakan di tapak terlebih dahulu bagi mengenal pasti profil struktur tanah sedia ada, sebelum kerja-kerja rekabentuk bagi menentukan kaedah yang sesuai dengan keadaan dan profail tanah di lokasi tersebut.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 28 (A82)**

Tapak kubur Islam Bakar Batu Johor Bahru sudah hampir penuh. Adakah Kerajaan Johor akan memperuntukkan dana untuk menambak tapak kubur Islam tersebut agar tapak kubur diperluaskan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Untuk makluman YB Stulang, tapak tanah wakaf Perkuburan Islam Bakar Batu, Johor Bahru adalah tanah perkuburan Islam kariah. Jumlah keluasan keseluruhan tanah perkuburan ini adalah dianggarkan 3.624 ekar melibatkan 3 lot tanah wakaf dan 1 lot tanah milik Kerajaan. Keluasan yang telah digunakan adalah 1 ekar.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Stulang kerana pada bulan Januari 2020, atas inisiatif beliau dan ketua kampung, satu proses penambakan tanah telah dilakukan di kawasan tanah perkuburan tersebut. Sebagai satu tindakan segera, Pejabat Kadi Daerah Johor Bahru dan Majlis Agama Islam Negeri Johor akan memulakan kerja-kerja pembersihan di lot kawasan tanah yang rata dan tidak berpayau dan boleh digunakan untuk urusan pengebumian pada bulan Disember 2020. Bagi urusan menambak tanah di lot kawasan yang berpayau, proses tersebut akan diusahakan dengan memohon peruntukkan penyelenggaraan tanah perkuburan Islam pada tahun hadapan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 29 (A29)**

Acara pecah tanah untuk pembinaan rumah RMMJ di Yong Peng telah dirasmikan pada 7 Mei 2018 namun sehingga kini projek perumahan tersebut masih belum dilaksanakan. Bilakah projek tersebut akan dimulakan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Status terkini bagi projek pembangunan Rumah Mampu Milik Johor di Yong Peng telah diluluskan oleh Kerajaan pada 11 Disember 2019.

Pada ketika ini, ianya masih di dalam semakan terhadap kos-kos pembangunan yang dikemukakan oleh pihak pelaksana iaitu Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ).

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**  
**SOALAN 30 (A214)**

Nyatakan statistik tentang pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti di Johor yang tidak mampu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dalam tempoh PKP akibat kesukaran untuk mendapatkan akses internet dan kekurangan kemudahan seperti tablet atau telefon mudah alih.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG**

1. Enrolmen murid Johor - 575241 orang (30 Jun 2020)
2. Pengaktifan ID DELIMa KPM - 390327 orang (67.66%) - (13 Nov 2020)
3. Dapatan daripada Soal Selidik Kesiediaan Murid dalam Pembelajaran Secara Dalam Talian (*Online Learning*) yang dilaksanakan KPM pada 28 Mac - 2 April 2020 adalah seperti berikut :
  - a. Bilangan responden murid Johor : 130007 orang (22.6% daripada jumlah enrolmen murid)

4. Jadual bilangan responden murid :

Kategori	SR	SM	Jumlah	Peratus
Bandar	68464 orang	40701 orang	109165 orang	84
Luar Bandar	13459 orang	7383 orang	20842 orang	16
<b>Jumlah</b>	<b>81923 orang</b>	<b>48084 orang</b>	<b>130007 orang</b>	<b>100</b>

5. Bilangan responden Tiada Peranti Peribadi : 49843 orang (38.34% daripada jumlah responden murid).
6. Jadual bilangan murid Tanpa Peranti Peribadi :

Kategori	SR	SM	Jumlah	Peratus
Bandar	33676 orang	7537 orang	41213 orang	82.7
Luar Bandar	7193 orang	1437 orang	8630 orang	17.3
<b>Jumlah</b>	<b>40869 orang</b>	<b>8974 orang</b>	<b>49843 orang</b>	<b>100</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)  
SOALAN 31 (A5)**

Sila nyatakan berapa banyak rumah dan kedai kuota Bumiputera yang tidak terjual melebihi 1 hingga 3 tahun di seluruh negeri Johor.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL**

Jumlah rumah dan kedai bagi kuota Bumiputera yang masih belum terjual bermula 01.01.2017 sehingga 31.10.2020 sebagaimana Sistem Perumahan Johor adalah seperti berikut:

<b>RUMAH</b>		
Julat Harga (RM)	Jumlah Unit	Jumlah Harga Bumiputera (RM)
<600,000	4,188	1,662,406,185.38
600,001 – 1,000,000	1,377	1,029,284,904.34
>1,000,001	244	347,059,640.55
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>5,809</b>	<b>3,038,750,730.27</b>

<b>KEDAI</b>		
Julat Harga (RM)	Jumlah Unit	Jumlah Harga Bumiputera (RM)
<600,000	207	103,261,748.50
600,001 – 1,000,000	388	312,104,999.71
>1,000,001	294	463,229,958.22
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>889</b>	<b>878,596,706.43</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)**  
**SOALAN 32 (A39)**

Adakah kerajaan bercadang untuk mendapatkan sumber air mentah dari bawah tanah (ground water) di masa akan datang?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Terima kasih **Yang Berhormat Tanjong Surat** yang bertanyakan tentang cadangan kerajaan negeri untuk mendapatkan sumber air mentah dari bawah tanah pada masa akan datang.

Untuk makluman dewan yang mulia, pihak Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) kini sedang melakukan enam (6) projek eksplorasi telaga air bawah tanah disekitar Loji Rawatan Air (LRA) bagi membantu meningkatkan kapasiti air mentah. Projek ini menggunakan peruntukan kerajaan Persekutuan dan dijangka akan diselesaikan pada akhir tahun 2020. Ranhill SAJ (RSAJ) juga telah menerokai sumber air bawah tanah di daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Mersing, Pontian, Batu Pahat dan Muar. Bagaimanapun, ianya masih diperingkat eksplorasi dan kajian tersebut dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2021.

Bagaimanapun, sekiranya kajian RSAJ ini menunjukkan bahawa terdapat sumber air bawah tanah yang banyak, maka kerajaan negeri akan menjadikannya sebagai sumber air alternatif bagi loji-loji air yang menghadapi kekurangan air mentah semasa musim kemarau.

Walaupun begitu, untuk makluman **Yang Berhormat Tanjong Surat**, negeri Johor mempunyai sumber air permukaan yang banyak bagi bekalan air mentah ke loji rawatan air kerana terdapat lima batang sungai utama seperti Sungai Muar, Sungai Batu Pahat, Sungai Johor, Sungai Ulu Sedili Besar, Sungai Mersing dan Sungai Endau. Purata hujan tahunan juga tinggi iaitu kira-kira 2,000 mm hingga 2,500mm setahun. Secara tidak langsung, ini menjanjikan sumber air yang mencukupi bagi keperluan pengguna-pengguna di negeri ini.

Pada masa ini, terdapat 45 buah loji rawatan air yang memperolehi sumber bekalan air permukaan (sungai dan empangan) iaitu membekalkan air bersih kepada penguasaan sebanyak 663,261.14 juta liter setahun atau 1,817.15 juta liter sehari.

Bagaimanapun, hanya satu (1) loji sahaja yang memperolehi sumber air mentah dari dua punca iaitu air permukaan dan air bawah tanah iaitu LRA Lok Heng. Purata pengeluaran air bersih loji ini ialah 5.01JLH, iaitu sebanyak 4.86JLH adalah dari Sungai Sedili Kechil manakala air bawah tanah adalah 0.15JLH, iaitu 2.99% daripada jumlah pengeluaran loji tersebut. Sebanyak tiga (3) unit telaga tiub telah dibina bagi membekalkan air bawah tanah kepada loji tersebut.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)**

**SOALAN 33 (A113)**

Apakah langkah-langkah khusus yang telah diambil oleh pihak kerajaan Johor bagi bagi membendung penularan Covid-19 di pusat-pusat tahanan negeri Johor bagi mengelak perkara yang sama berlaku seperti di negeri-negeri utara semenanjung?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah persediaan membendung penularan pandemik Covid-19 di pusat tahanan dan penjara di negeri Johor, beberapa sesi mesyuarat dan perbincangan telah diadakan antaranya Mesyuarat Penyelaras Pengurusan Banduan Bagi Mengelak Penularan Jangkitan Covid-19 di Penjara Negeri Johor pada 20 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan) dengan penglibatan agensi-agensi, termasuk Jabatan Penjara Negeri Johor, PDRM, Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara Negeri Johor dan Mahkamah Negeri Johor.

Selari dengan itu, pihak Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengeluarkan SOP Pengurusan Banduan di Penjara Semasa Covid-19 yang dikemaskini pada 12 Oktober 2020.

Untuk makluman **Yang Berhormat Serom**, pihak Jabatan Imigresen Malaysia turut memainkan peranan dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19, terutamanya di Depot Imigresen pekan Nanas menerusi pelaksanaan Penetapan Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Pertahanan dan Keselamatan di bawah peraturan 11; Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.5) 2020 [P.U.(A) 136/2020].

**Langkah pertama**, memastikan semua Pegawai Imigresen, kakitangan serta tahanan di depot telah menjalani ujian saringan Covid-19 iaitu *Polymerase Chain Reaction* (PCR) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada 01 Jun 2020 sebagai langkah awal bagi mengelak penularan pandemik Covid-19.

**Langkah kedua**, setiap kemasukan tahanan ke depot akan diwajibkan telah menjalani ujian saringan Covid-19 dan perlu mengemukakan keputusan ujian tahanan. Keputusan ujian negatif sahaja yang diterima masuk ke depot.

Untuk makluman Dewan yang mulia, di pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), mereka turut melaksanakan pencegahan dan kawalan penularan COVID-19 ke atas tahanan di lokap PDRM. SOP telah dikeluarkan kepada semua Kontinjen, daerah dan balai untuk dipatuhi dan dilaksanakan, di mana pihak PDRM telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam pelaksanaan saringan *swab test* Covid-19 ke atas tahanan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

Sehubung dengan itu, setiap tahanan baharu diwajibkan untuk menjalani saringan *swab* Covid-19 sebelum mereka diterima masuk ke dalam Lokap Transit/ Sel Transit untuk tahanan baharu.

Bagi kes yang mempunyai jumlah tahanan lima (5) orang atau kurang perlu dibawa ke klinik atau hospital untuk menjalani saringan *swab* Covid-19. Manakala bagi kes jumlah tahanan melebihi lima (05) orang akan diaturkan dengan pegawai *focal point* Pejabat Kesihatan Daerah bagi pengaturan petugas kesihatan melaksanakan saringan *swab* Covid 19 terhadap tahanan di lokap transit/sel transit.

Kerjasama bersepadu daripada Jabatan Imigresen Malaysia, PDRM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diharapkan dapat membantu mengekang penularan pandemik COVID-19 di pusat-pusat tahanan negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)**

**SOALAN 34 (A62)**

Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap pelaksanaan PKPB di Johor sehingga 6/12/2020?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Kerajaan Negeri Johor telah membuat rayuan kepada Kerajaan Persekutuan supaya negeri Johor dikecualikan dari melaksanakan PKPB atau mengenakan PKPB hanya di kawasan atau daerah yang telah diisytiharkan sebagai kawasan merah memandangkan penularan Covid-19 di negeri Johor masih terkawal disamping pelaksanaannya boleh menjejaskan ekonomi negeri.

Walau bagaimanapun, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara: Pengurusan Covid-19, Bilangan 48 Tahun 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersidang pada 11 November 2020 lalu telah memutuskan Pelaksanaan PKPB di seluruh Negeri Johor dikekalkan selaras dengan pelaksanaan di semua negeri yang terlibat di seluruh negara dan tidak hanya dilaksanakan di zon merah yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**

**SOALAN 35 (A116)**

Mengapakah cadangan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas yang baru semasa Bengkel Memperkasakan Dewan September 2019 masih tidak dilaksanakan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman dewan yang mulia, Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor sedang memperhalusi cadangan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas berdasarkan terma rujukan serta Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor yang digunapakai.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN TEE BOON TSONG (SENAI)**  
**SOALAN 36 (A166)**

Adakah terdapat bantuan lain selain Bantuan Ihsan Covid-19 Johor?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Senai**, kerajaan negeri telah mengambil pelbagai langkah proaktif bagi membantu rakyat dalam segenap aspek khususnya bagi menghadapi pandemik COVID19.

Kerajaan Negeri Johor turut melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor, yang merupakan pakej rangsangan tambahan kepada inisiatif sedia ada akibat kesan daripada pandemik COVID-19.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Johor Siri 1 telah diumumkan pada 20 Mac 2020 dengan peruntukan sebanyak RM2.292 juta. Menerusi pakej rangsangan ekonomi ini, penerima yang telah dipecahkan kepada empat (4) inisiatif telah pun menerima manfaat. Ini termasuk pemberian bantuan 'one-off' (dengan izin) bernilai RM1,000 kepada semua pesakit positif COVID-19 di Johor selain pemberian sebanyak RM2,000 kepada setiap keluarga waris mangsa yang meninggal dunia akibat wabak berkenaan.

Sejurus itu, di atas keprihatinan kerajaan negeri, Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri 2 diumumkan pada 25 Mac 2020, iaitu lima (5) hari selepas pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri 1.

Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan Johor Siri 2 yang diumumkan lima hari selepas itu, iaitu 25 Mac lalu pula berjumlah RM 28.741 juta, memberi manfaat kepada 107,534 penerima yang membabitkan pembelian peralatan tambahan dan keperluan kesihatan kepada hospital negeri. Sebanyak RM11.19 juta diperuntukkan untuk inisiatif Bantuan Ihsan Johor dan RM126.47 juta untuk inisiatif membabitkan sektor modal insan, pelancongan dan pembinaan.

Secara keseluruhannya kerajaan negeri Johor telah memperuntukan sejumlah RM173.5 juta bagi melaksanakan 51 inisiatif melalui peruntukan kerajaan negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan-bantuan daripada kerajaan negeri tidak terhenti di situ dan terdapat beberapa bantuan lain, termasuk bantuan bersasar yang dilaksanakan untuk membantu rakyat dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19 ini.

Bantuan yang telah dan terus dilaksanakan itu telah ditambah baik dari segi prosedur, proses pelaksanaan serta agihan kepada golongan yang memerlukan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

Ketika Persidangan Dewan Negeri Johor sebelum ini, kerajaan negeri telah mengumumkan Pemberian Rebat Cukai Tanah selama tiga tahun sehingga tahun 2022, bermula 1 Oktober 2020. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada semua pemilik hartanah.

Rebat cukai ini dilihat berupaya untuk menyumbang kepada langkah pemulihan ekonomi ketika ini.

Suka untuk saya kongsi beberapa inisiatif mahu pun bentuk bantuan secara bersasar yang sudah pun dilaksanakan, iaitu:-

**Pertama, Program Bantuan Khas Kepada Golongan Nelayan**, di mana Inisiatif ini memberi manfaat kepada setiap nelayan pesisir pantai di kawasan Selatan Johor yang terkesan akibat projek pembangunan yang dijalankan.

**Kedua, Bank Makanan** yang bertujuan untuk membekalkan makanan keperluan harian kepada golongan B40 yang amat memerlukan, khususnya dalam kalangan penerima bantuan e-kasih, asnaf zakat dan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**Ketiga, Skim Air Percuma**, iaitu pemberian air percuma melalui Syarikat Air Johor (SAJ Ranhill) kepada golongan sasar seluruh Johor diterus dan diperluaskan. Ia melibatkan penerima dalam senarai E-Kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli.

**Keempat**, kerajaan negeri turut memperluas dan memperincikan pelbagai bantuan dan **skim perumahan** antaranya seperti Skim Perumahan Prihatin Johor, Skim Perumahan Belia Johor, Rumah Mesra Rakyat Johor, Program Perumahan Rakyat (PPR) & Rumah Sewa Kerajaan (RSK).

Pembeli RMMJ juga dapat menikmati pemberian **Baucar RM1 ribu** yang bertujuan membantu meringankan beban pembeli rumah.

**Kelima**, bantuan pendidikan ,melalui Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), iaitu:-

- i. **Biasiswa Kenangan Dato' Onn**: Diberikan kepada pelajar-pelajar cemerlang sekolah menengah di negeri Johor.  
**DAN**
- ii. **Biasiswa Sultan Ibrahim**: Terbuka kepada anak Johor yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PHD) sepenuh masa.

Untuk makluman **Yang Berhormat Senai**, jabatan-jabatan kerajaan negeri, termasuk Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

jabatan-jabatan di bawah portfolio Pengerusi Jawatankuasa Negeri Johor turut bekerjasama menghulurkan bantuan kepada rakyat.

Saya percaya, semua ini adalah tindakan luar kebiasaan bagi memastikan keluhan semua pihak didengari dalam keadaan ekonomi semasa yang getir sekarang.

Dalam suasana pandemik COVID-19 ini, kerajaan negeri turut memikirkan pelan keluar atau *exit plan* (dengan izin) yang bersifat holistik sebagai usaha membantu rakyat mengharungi pasca COVID-19.

Pelan jangka masa panjang telah dirangka adalah **7 Ikhtiar Makmur Johor** yang bakal menjadi pencetus utama kepada pelbagai insentif berkonsepkan hiliran kepada golongan-golongan sasar yang terlibat.

Kemelut pandemik COVID-19 kini perlu dijadikan tumpuan maksimum oleh pihak kerajaan agar setiap insentif dan bantuan dapat dicakna kepada seluruh ceruk rantau Johor tanpa mengesampingkan bantuan sedia ada.

Segala insentif dan bentuk bantuan yang baik dan realistik akan dipertimbangkan sebaiknya untuk diteruskan serta ditambahbaik agar manfaatnya dirasakan semua golongan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)  
SOALAN 37 (A53)**

Berdasarkan kepada peruntukan pembangunan di bawah butiran projek naik taraf, ubahsuai dan pembaikan bagi tahun 2020 yang telah diluluskan sebanyak 58 projek. Nyatakan berapa projek yang telah dijalankan dan siap untuk digunakan berdasarkan kepada bahagian-bahagian yang telah diperuntukkan.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Sebagaimana yang telah dibentangkan menerusi ucapan Belanjawan Johor yang lepas, sejumlah peruntukan RM58 juta telah diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya di bawah Vot P74001 – Jalan dan Jambatan. Daripada jumlah tersebut ianya melibatkan projek-projek siap, peringkat pembinaan dan peringkat perancangan (baru, rekabentuk dan perolehan).

Sehingga kini, projek yang telah mencapai status projek siap adalah sebanyak lima (5) projek. Manakala dalam peringkat pembinaan adalah sebanyak 12 projek termasuk peruntukan khas exco. Bagi peringkat perancangan yakni projek baharu melibatkan lima (5) projek dan projek rekabentuk melibatkan 10 projek.

Selain itu, terdapat bayaran muktamad menggunakan peruntukan tahun semasa bagi projek yang telah siap pada tahun (2015-2019) termasuk bayaran akhir perunding sebanyak sembilan (9) projek.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)**  
**SOALAN 38 (A94)**

Minta perincikan keseluruhan pencapaian dan keberhasilan melalui pelaksanaan program serta inisiatif oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Yang Berhormat Speaker izinkan saya untuk menjawab soalan YB Panti mengenai inisiatif kerajaan pakatan harapan yang lalu. Antara inisiatif kerajaan pakatan harapan ialah :

- 1. Pemberian air percuma 10 meter padu kepada golongan sasaran**  
Melalui inisiatif ini Kerajaan Negeri telah mengenal pasti seramai 229,307 golongan sasaran daripada kategori B40 layak menerima inisiatif ini. Pemberian air percuma kepada golongan sasaran ini telah bermula 1 September 2018.
- 2. Kad Sihat Johor bagi golongan B40**  
Melalui inisiatif Kad Sihat Johor, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM1.2 juta setiap tahun bagi pelaksanaan skim ini. Pemberian kemudahan ini diberi secara pro-rata bagi tempoh bermula Ogos 2018 iaitu sebanyak RM250 bagi setiap keluarga. Inisiatif ini masih dijalankan oleh kerajaan sedia ada. Bagi tahun 2020, sebanyak 22,636 penerima manfaat melibatkan peruntukkan sebanyak RM1,370,059.04
- 3. Skim Takaful Warga Emas**  
Melalui inisiatif ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM560,000 pada tahun 2018 membabitkan 11,200 penerima. Kerajaan Negeri akan menyumbang sejumlah RM1000 kepada waris Warga Emas yang meninggal dunia dan telah berdaftar.
- 4. Diskaun 50% tunggakan sewa PPR**  
Kerajaan PH juga memberikan pengecualian 50% bagi bayaran keseluruhan tunggakan sewa PPR. Kerajaan Negeri akan membayar secara 'One Off' sebanyak RM651,000 hanya untuk tahun 2018 membabitkan sebahagian penduduk PPR yang terdiri daripada golongan miskin, miskin tegar, asnaf dan fakir serta pesakit kronik. Dianggarkan seramai 2,500 orang penyewa iaitu 30% daripada keseluruhan jumlah penyewa PPR di negeri ini akan menerima faedah daripada inisiatif ini.
- 5. Penghapusan kuota menegak kerajaan (KMK) dalam pengagihan rumah mampu milik Johor**  
Kerajaan lalu juga telah menghapuskan kuota menegak kerajaan dalam pengagihan rumah mampu milik Johor dan memulakan undian secara siaran langsung.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**6. Pengecualian Bayaran Lesen Penjaja Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Inisiatif ini telah melibatkan penjaja seramai 21,127 daripada 16 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan menerima kemudahan ini. Tarikh pelaksanaan bagi inisiatif ini telah bermula pada 1 September 2018.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)  
SOALAN 39 (A12)**

Adakah Syarikat Minyak Saudi Aramco akan bekerjasama dengan Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) dalam Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang dan adakah Pengerang meneruskan operasinya secara sepenuh?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) atau lebih dikenali sebagai Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) merupakan projek yang dilaksanakan oleh pihak PETRONAS yang melibatkan keluasan seluas 6,239 ekar di Pengerang.

Anggaran pelaburan bagi keseluruhan pembangunan RAPID adalah USD27 bilion.

Pihak PETRONAS dan Saudi Aramco telah menandatangani *Share Purchase Agreement* (SPA) (dengan izin) pada 28 Feb 2017 dengan menubuhkan operasi usaha sama (JV) di Pengerang Refining & Petrochemicals (PRefChem) di mana nilai FDI dianggarkan sebanyak USD7 billion.

Berdasarkan semakan terkini bersama pihak PETRONAS, pihaknya masih meneruskan kerjasama bersama pihak Saudi Aramco sebagaimana perjanjian yang telah ditandatangani. Projek ini dijangkakan akan mula beroperasi pada suku pertama 2021 secara selamat dan stabil.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI ISNIN, 30 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)**

**SOALAN 40 (A11)**

Cadangan untuk memasukkan Daerah Segamat di dalam senarai Korridor Pantai Timur (ECER) berada di peringkat mana? Bilakah cadangan ini dijangka akan diambil tindakan?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman **Yang Berhormat Bekok**, berdasarkan maklum balas terkini daripada Bahagian Dasar & Perancangan Strategik, Jabatan Perdana Menteri, pihak Jabatan Perdana Menteri telah menyemak kertas polisi dalaman dengan Pejabat Perdana Menteri (PMO) pada 21 Oktober 2020 dan dimaklumkan bahawa cadangan Kemasukan Daerah Segamat ke dalam Wilayah ECER masih dalam penelitian.

Sekiranya dipersetujui, Memorandum Jemaah Menteri berhubung perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan seterusnya Rang Undang-Undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Pindaan) 2020 akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan.